




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 546 kes. Bilangan kematian adalah 7 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini sebanyak 13,701 kes. Sehingga hari ini, seramai 7,225 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 3,796 pesakit sedang menerima rawatan.
- 2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini tiada penambahan zon merah.

- 3 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di daerah Kota Kinabalu iaitu:
 - (i) Kluster Sri Gaya sebanyak 11 kes berpunca dari berkumpul semasa acara nikah.
- 4 Saringan banduan Kluster Penjara Kepayan telah selesai sepenuhnya. Jumlah yang telah disaring ialah seramai 2,701 orang. Kumulatif kes positif adalah sebanyak 1,652 orang melibatkan 1,212 warganegara dan 440 bukan warganegara.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI DAERAH KUDAT

- 1 Sebanyak tiga (3) lokaliti baharu di Kudat akan dilaksanakan PKPD selama dua (2) minggu bermula daripada 30 Oktober 2020 sehingga 12 November 2020.
- 2 Tiga (3) lokaliti tersebut ialah Kg. Pengaraban, Kg. Tg Kapor dan Kg. Landung Ayang.

C. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **100,654** bakul makanan telah diagihkan.

D. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

1. Sebanyak 65 SJR telah dilaksanakan di 65 lokasi melibatkan 42,146 kenderaan diperiksa. Manakala, sebanyak 174 buah kenderaan diarah berpatah balik dengan 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga melaksanakan 81 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
2. Penguatkuasaan undang-undang di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan kawasan pantai timur adalah sebanyak 51 pemeriksaan dan perairan Labuan sebanyak 4 pemeriksaan.

3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di tujuh (7) premis di empat (4) daerah iaitu Semporna, Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Tawau.
4. Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah telah dilaksanakan di 97 lokasi di 12 buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan sehari-hari.

Kerajaan Negeri komited dalam memastikan wabak ini dapat ditangani dengan baik dan kebijakan semua rakyat terbaik.

Dalam kesempatan ini, sempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1442H esok, saya menyeru semua umat Islam untuk mengimarahkan sambutan ini dengan berselawat ke atas Junjungan Besar Rasulullah S.A.W dan berdoa agar negeri kita pulih dari pandemik COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
28 Oktober 2020